

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 18 JULAI 2007, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 18

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1142-L3113
Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) diamalkan sepenuhnya dalam sistem pendidikan kita dan bagaimanakah penghayatannya.
2. PN-1142-L3527
Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg.Ahmad Raffae minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan Koridor-koridor Pembangunan untuk negeri Sabah dan Sarawak.
3. PN-1142-L3631
Dato' Rhina Bhar minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan Kerajaan dalam kes apabila seorang individu meminjam kenderaan individu yang lain lalu terlibat dalam kemalangan dan didapati beliau 100% cuai tetapi insurans kenderaan yang dipinjam tidak liable untuk membayar award kepada mangsa memandangkan peruntukan undang-undang insurans kenderaan sedia ada tidak melindungi mangsa dalam perkara ini.
4. PN-1142-L3569
Puan Heng Seai Kie minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menambahkan hukuman ke atas pelumba haram memandangkan aktiviti perlumbaan haram bukan sahaja mengganggu ketenteraman masyarakat malahan menggugat keselamatan orang awam.
5. PN-1142-L3102
Dato' Ismail bin Kasim minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah usaha dalam memajukan program berkaitan sektor bioteknologi serta sejauh manakah perolehan teknologi dan inovasi telah dicapai oleh negara kita.

6. PN-1142-L3647
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa banyakkah PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) yang telah melaksanakan 'One Stop Center'.
7. PN-1142-L3419
Dato' Omar bin Faudzar minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah kumpulan gengster yang wujud di negara ini sejak tahun 2005 dan 2006 dan apakah jenayah gengster yang paling ketara.
8. PN-1142-L3197
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah usaha dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan kepada golongan peniaga dan orang ramai berhubung jenis-jenis permohonan yang melibatkan bidang kuasa SSM.
9. PN-1142-L3223
Tuan Maijol bin Mahap minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memenuhi hasrat Kerajaan supaya keluarga di kampung berjaya melahirkan seorang graduan bagi setiap rumah.
10. PN-1142-L3010
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan tindakan susulan terhadap seminar 'Dasar Sukan Negara'. Apakah cadangan yang praktikal demi membangunkan kecemerlangan sukan di Malaysia.
11. PN-1142-L3634
Tan Sri Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan tidakkah Kementerian mempunyai peruntukan undang-undang untuk menghalang mana-mana pihak cuba mengambil-alih tapak-tapak universiti dan tanah-tanah milik Kerajaan seperti yang berlaku kepada Universiti Malaya baru-baru ini.
12. PN-1142-L3177
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan bilangan langgar lari yang berjaya dikesan oleh polis. Apakah tindakan pihak polis untuk mencegah kejadian langgar lari dan tindakan yang diambil terhadap pemandu kenderaan yang ditangkap atas kesalahan ini.

13. PN-1142-L3654
Datuk Latiff bin Datuk Thamby Chik minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil Kementerian bagi mengawal kualiti makanan ringan yang begitu banyak di pasaran serta amat digemari oleh kanak-kanak memandangkan makanan ini tidak memberi manfaat kesihatan atau pun tumbesaran kepada kanak-kanak.
14. PN-1142-L3353
Ir. Hiang A Li minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah strategi pencegahan banjir kilat daripada berlaku di bandar-bandar utama di negara ini seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang.
15. PN-1142-L3465
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan tanggungjawab LPKP untuk mengatasi permasalahan pemandu-pemandu teksi yang tidak sopan serta mengenakan caj yang mahal dan cara pemanduan bas-bas ekspres di lebuh raya yang bukan sahaja merbahaya kepada penumpang-penumpangnya malah pengguna lebuh raya lain.
16. PN-1142-L3238
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk melaksanakan Pelan Tindakan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional di peringkat akar umbi.
17. PN-1142-L3415
Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah kes penderaan isteri di negara kita mengikut negeri dan kaum pada 2005-2007 dan apakah tindakan Kementerian dalam menzahirkan keluarga bahagia.
18. PN-1142-L3371
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan statistik kemasukan majalah asing sejak tahun 2004-2006 dan apakah langkah-langkah pemantauan dan kawalan kemasukan majalah-majalah yang tidak memberi manfaat, merosakkan fikiran dan memberi kesan negatif kepada masyarakat daripada terus berleluasa.
19. PN-1142-L3596
Datuk Dr. Lee Chong Meng minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan selain daripada Astro dan MiTV adakah Kementerian bercadang mengeluarkan lagi lesen penyiaran tv berbayar kepada syarikat lain agar tidak berlaku monopoli perniagaan.

20. PN-1142-L3445
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan bagi meningkatkan ekonomi negara dalam rantaian nilai lebih tinggi bagi menongkah arus globalisasi yang semakin mencabar.
21. PN-1142-L3324
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh manakah peranan Malaysia sebagai pengerusi OIC dapat membantu menyelesaikan konflik di Selatan Thailand.
22. PN-1142-L3411
Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan kenapakah sukan bola jaring tidak dimasukkan dalam sukan teras sedangkan bola jaring juga adalah sukan yang popular dan dimainkan semenjak di peringkat sekolah kebangsaan lagi.
23. PN-1142-L3438
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sehingga kini berapakah jumlah siber kafe yang telah diberi lesen operasi dan berapakah jumlah siber kafe yang telah ditamatkan lesen operasi atas kesalahan membenarkan pelajar sekolah menggunakan siber kafe mengikut negeri.
24. PN-1142-L3387
Dato' Azian bin Osman minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil bagi menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan sukan.
25. PN-1142-L3033
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh manakah keberkesanannya sehingga kini memandangkan begitu banyak langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengurangkan bilangan graduan menganggur setelah tamat pengajian di IPTA/IPTS.
26. PN-1142-L3323
Dato' Gooi Hoe Hin minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Lapangan Terbang Pulau Pinang akan dipindahkan ke Batu Kawan di daerah Seberang Perai.
27. PN-1142-L3261
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah mekanisme yang diamalkan bagi mempertingkatkan sistem penyampaian di jabatan-jabatan Kerajaan peringkat persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan.

28. PN-1142-L3543
Dato' Rhina Bhar minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perbankan Islam adalah berdasarkan prinsip-prinsip Islam. Adakah apabila berlaku pelanggaran kontrak di mahkamah di mana untuk menyelesaikan tuntutan perbankan Islam di mahkamah sivil atau mahkamah syariah termasuk sebab-sebab dan alasan sedemikian.
29. PN-1142-L3332
Dato' Gooi Hoe Hin minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada had kelajuan maksima 110 km/jam di Lebuhraya Utara Selatan akan dinaikkan dan jika tidak, apakah sebabnya.
30. PN-1142-L3360
Ir. Hiang A Li minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian dalam memantau kerosakan bangunan-bangunan awam di seluruh negara dan mengambil tindakan tegas terhadap kontraktor yang bertanggungjawab.
31. PN-1142-L3466
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan lebih lanjut tentang objektif kewujudan Jawatankuasa Peringkat Menteri Malaysia-Singapura mengenai Projek Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) di Johor dan apakah kebaikan yang akan Kerajaan Malaysia perolehi daripada kerjasama ini.
32. PN-1142-L3198
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian memelihara budaya dan seni rakyat Malaysia yang menghadapi risiko hilang ditelan zaman.
33. PN-1142-L2977
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan Indeks Keselamatan Awam setiap tahun dari tahun 2003 hingga kini dan tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk memperbaiki indeks tersebut.
34. PN-1142-L2946
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian menjalankan apa-apa program kaunseling yang menjurus kepada kelompok kumpulan suri-suri rumah tangga yang sering dilaporkan menghadapi tekanan dalam rumah tangga dan keluarga.
35. PN-1142-L3130
Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berkenaan langkah-langkah kawalan terhadap syarikat jualan langsung yang banyak mengiklankan dan menjual produk atau peralatan kesihatan terutamanya kepada masyarakat luar bandar.

36. PN-1142-L3252
Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd Zabidin minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk mengadakan kempen besar-besaran bagi menerangkan isu obesiti yang kian meningkat di kalangan kanak-kanak, dan kepentingan amalan pemakanan yang sihat dan seimbang kepada ibu bapa.
37. PN-1142-L3002
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah kerja naik taraf dan penambahan lorong di Lebuhraya Utara-Selatan dari Seremban ke Ayer Keroh siap sepenuhnya. Berapakah kos keseluruhan kerja naik taraf itu dan apakah ia akan dilaksanakan di semua Lebuhraya Utara-Selatan.
38. PN-1142-L3541
Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil ke atas penulis buku "May 13: Declassified Documents On The Malaya Riot of 1969" yang menjadikan laporan dokumentari yang dihasilkan oleh kakitangan Pejabat Pesuruhjaya Tinggi British berhubung kejadian rusuhan kaum pada 13 Mei yang dikatakan berat sebelah dan anti Melayu sebagai rujukan.
39. PN-1142-L3263
Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd Zabidin minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapa buah sekolah yang masih belum boleh dibuka disebabkan kegagalan kontraktor sama ada yang telah disiapkan tetapi tidak boleh digunakan atau pun gagal disiapkan.
40. PN-1142-L3322
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan perkembangan terkini FTA dengan Amerika Syarikat. Sejauh manakah pula pelaksanaan FTA setakat ini serta apakah manfaat kepada rakyat dan negara.
41. PN-1142-L3292
Tuan Lee Chee Keong minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan ciri-ciri utama dalam program-program yang bakal diamalkan oleh Institut Keselamatan Jalan Malaysia dan bilakah program-program berkenaan akan berkuat kuasa.
42. PN-1142-L3083
Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan tindakan Kerajaan untuk menukar status Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil (SRJKT) daripada bantuan modal kepada bantuan penuh memandangkan 68.2 peratus SRJK(T) yang berstatus bantuan modal tidak mencukupi kemudahan infrastruktur fizikal kerana kekurangan peruntukan, yang sekali gus menjejaskan prestasi pencapaian murid-murid sekolah ini.

43. PN-1142-L3587
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan berapakah standard kompaun yang telah ditetapkan oleh Kerajaan yang dikenakan terhadap pengusaha-pengusaha restoran yang tidak bertanggungjawab dengan menaikkan harga jualan dan adakah bidang kuasa memantau akan diluaskan kepada Pihak Berkuasa Tempatan di dalam memantau kenaikan harga.
44. PN-1142-L3057
Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan limpahan kesan ke atas usahawan kecil dan sederhana tempatan berikutan pengukuhan mata wang Ringgit dibandingkan dengan Dolar Amerika Syarikat.
45. PN-1142-L3061
Puan Mumtaz binti Md. Nawī minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah jumlah kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan untuk membaik pulih struktur bangunan dan siling bocor dari Januari 2005 sehingga Jun 2007 dan berapakah kontraktor yang telah dikenal pasti yang telah didakwa di mahkamah.
46. PN-1142-L3116
Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai isu syarikat pengeluar produk makanan yang gagal mematuhi garis panduan halal haram atau pengeluar produk makanan yang diragui kesahihan halal haram yang masih berleluasa tanpa mengambil kira sensitiviti umat Islam di negara ini.
47. PN-1142-L3029
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan dan perkembangan sejak penubuhan "National Agriculture and Food Company" dan adakah pendekatan tersebut bakal mengubah peranan FAMA di masa hadapan.
48. PN-1142-L3088
Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan walaupun sejak mencapai kemerdekaan Kerajaan telah meletakkan soal kesihatan sebagai agenda penting tetapi masih berlaku kepincangan dalam perkhidmatan kesihatan di luar bandar yang sekali gus mengagalkan aspirasi Kerajaan untuk memberi perkhidmatan kesihatan yang terbaik untuk semua rakyat.
49. PN-1142-L3303
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jenis, gred dan nilai minyak petroleum yang dieksport dan diimport oleh Malaysia sejak tahun 2003.

50. PN-1142-L3363
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah inisiatif Kementerian dalam mendekatkan jurang pendapatan penduduk luar bandar terutama petani dan nelayan bagi menghadapi cabaran kenaikan kos sara hidup masa kini.
51. PN-1142-L2962
Puan GK Loga Chitra minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jenis-jenis bantuan yang disediakan untuk golongan wanita di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.
52. PN-1142-L3430
Dato' Haji Idris bin Haji Buang minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa banyakkah jumlah hospital/klinik-klinik desa di seluruh negeri Sarawak yang sedia ada dan berapa banyak lagi yang hendak dibina di bawah RMK-9. Apakah 'strength' yang sedia ada dan 'strength' yang akan diperlukan di bawah rancangan tersebut.
53. PN-1142-L3136
Tuan Chiu Tiang Chai minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilakah Kementerian merancang untuk menubuhkan Kolej Komuniti di semua kawasan-kawasan Parlimen terutamanya di luar bandar memandangkan dengan tiadanya institusi pengajian tinggi ataupun kemahiran di kawasan-kawasan ini, lantas menjejaskan pembangunan modal insan di kalangan warganya.
54. PN-1142-L2978
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan peratusan projek Kerajaan yang ditawarkan kepada syarikat Melayu, Bumiputera bukan Melayu, Cina dan India mengikut bilangan projek dan juga nilai projek bagi setiap tahun dari 2003 hingga kini.
55. PN-1142-L3214
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sebarang cadangan bagi memperkenalkan permainan Kabadi di seluruh negara.
56. PN-1142-L3605
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan penggubalan dasar dan cara pelaksanaan ke arah pemuliharaan hutan dan sumber air tanah tinggi dan apakah penggubalan undang-undang yang telah dilakukan di peringkat persekutuan untuk mencapai matlamat ini.
57. PN-1142-L3388
Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah syarikat yang telah mendapat pensijilan HALAL di seluruh negara mengikut pecahan syarikat milik Bumiputera dan bukan Bumiputera.

58. PN-1142-L3186
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sebarang cadangan Kementerian bagi kenaikan gaji kepada kakitangan sektor swasta.
59. PN-1142-L3155
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan kejayaan dan keberkesanan kempen 'Saya Anti Rasuah' yang telah dijalankan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan adakah kempen yang sama sesuai dituruti oleh jabatan atau agensi Kerajaan yang lain.
60. PN-1142-L3618
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan memantau generasi muda yang sentiasa terdedah dengan pelbagai situasi yang boleh menjejaskan akidah mereka sehingga murtad. Apakah masalah keruntuhan akhlak dan masalah sosial orang Islam di negara kita, menjadi tanggungjawab Kementerian lain menyelesaikannya. Jika tidak, apa usaha yang dibuat oleh JAKIM selama ini.
61. PN-1142-L3469
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
- (a) kenapakah masih ramai golongan petani, penternak dan nelayan masih berada di tahap pendapatan di garis kemiskinan; dan
 - (b) masih ramai lagi golongan petani, penternak dan nelayan yang masih mengamalkan pertanian bercorak tradisi, apakah usaha Kementerian untuk membantu golongan tersebut agar lebih maju.
62. PN-1142-L3576
Puan Heng Seai Kie minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sama ada Kerajaan akan mengkaji untuk mewujudkan satu sistem bagi mengatasi masalah pemalsuan dan penipuan dalam pindahan hak milik tanah yang semakin berleluasa.
63. PN-1142-L3519
Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah keputusan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) tidak dinyatakan jumlah markah yang diperolehi secara terperinci dan bukan dengan hanya menyatakan gred tahap yang diperolehi sahaja.

64. PN-1142-L2989
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan sama ada terdapat kes-kes yang melibatkan pemberian visa pelajar kepada pelajar asing yang kemudiannya terlibat di dalam kegiatan haram seperti pelacuran dan sebagainya telah berkurangan ataupun masih lagi berada di tahap yang membimbangkan dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap IPTS yang didapati bersalah.
65. PN-1142-L3554
Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan bahawa buat masa ini hanya TV3 sahaja menyiarkan cerita-cerita benar di Dewan Negara ketika siaran berita sedangkan RTM hanya pada masa Program Khas Parlimen iaitu pada pukul 11.30 malam sahaja. Apakah RTM menganggap bahawa Dewan Negara tidak begitu sesuai untuk ditonjolkan atau sebenarnya pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan atau perbahasan di Dewan Negara tidak menepati piawaian.
66. PN-1142-L3495
Datuk Chew Vun Ming minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan Kerajaan telah berbelanja dan menyediakan rumah-rumah kos rendah kepada golongan masyarakat yang kurang mampu. Namun demikian, jika dilihat pada hari ini, rumah-rumah yang disediakan ini bukanlah didiami oleh pihak yang sepatutnya malah menyerahkan rumah-rumah ini kepada pendatang asing. Apakah tindakan Kerajaan di dalam menyediakan pembahagian rumah kos rendah ini.
67. PN-1142-L3297
Dato' Gooi Hoe Hin minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah kos pengeluaran bagi mengeluarkan setan minyak sawit bagi syarikat perladangan dan pekebun kecil pada masa kini.
68. PN-1142-L3556
Puan Heng Seai Kie minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk mengaktakan kod gangguan seksual di tempat kerja yang sedia ada demi menangani masalah gangguan seksual yang semakin berleluasa.
69. PN-1142-L3150
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pelajar yang ditawarkan biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam untuk melanjutkan pelajaran ke luar negeri.
70. PN-1142-L3232
Tuan Maijol bin Mahap minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk memperkenalkan undang-undang baru untuk meluaskan senarai "barang-barang terkawal" supaya kenaikan harga bagi semua barang keperluan pengguna di negara ini dapat dibendung.

71. PN-1142-L3041
Puan Mumtaz binti Md. Nawī minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (c) bagaimanakah Kerajaan mengenal pasti cabaran serta agensi yang bertanggungjawab untuk memantau projek Wilayah Pembangunan Iskandar agar aliran keluar wang negara khususnya ke Singapura dapat dikawal dan tidak menyebabkan ketidakseimbangan dalam negara ; dan
 - (d) berapakah syarikat GLC milik Kerajaan yang telah dikenal pasti akan dapat menyaingi syarikat gergasi luar negara dalam memajukan Wilayah Pembangunan Iskandar tersebut.
72. PN-1142-L3503
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr.) Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peranan ulama bagi membantu negara dari aspek pembangunan modal insan.
73. PN-1142-L3640
Tuan Ahmad bin Hussin minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam melahirkan lebih ramai tenaga mahir dalam sektor industri pembinaan dan pembuatan terutamanya daripada golongan belia.
74. PN-1142-L3662
Dato' Yaakob bin Haji Mohammad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan berpuas hati dengan peranan pihak swasta demi mewujudkan perasaan muhibah ke arah kestabilan perpaduan kaum dan nyatakan strategi yang lebih positif dan praktikal yang perlu diambil oleh semua pihak bagi mencapai visi perpaduan nasional menjelang tahun 2057.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|-----|---------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------|
| 1. | (D.R.26/2007) | Rang Undang-undang Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan] | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 2. | (D.R.27/2007) | Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan) 2007 [Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan] | “ |
| 3. | (D.R.28/2007) | Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2007 [Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan] | “ |
| 4. | (D.R.29/2007) | Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2007 [Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan] | “ |
| 5. | (D.R.15/2007) | Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 2007 [Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri] | “ |
| 6. | (D.R.21/2007) | Rang Undang-undang Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007 [Perdana Menteri] | “ |
| 7. | (D.R.36/2007) | Rang Undang-undang Pilihan Raya (Pindaan) 2007 [Perdana Menteri] | “ |
| 8. | (D.R.34/2007) | Rang Undang-undang Bank Islam (Pindaan) 2007 [Menteri Kewangan] | “ |
| 9. | (D.R.35/2007) | Rang Undang-undang Takaful (Pindaan) 2007 [Menteri Kewangan] | “ |
| 10. | (D.R.31/2007) | Rang Undang-undang Bil Pertukaran (Pindaan) 2007. [Menteri Kewangan] | “ |

11. PN-1142-U3023

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan hendaklah menyediakan kajian yang lebih bersepadu untuk mengatasi secara menyeluruh masalah banjir di Kuala Lumpur. Masalah banjir kilat yang berulang-ulang bukan sahaja mengganggu keselesaan hidup warga kota tetapi mendatangkan kesan buruk terhadap industri pelancongan di Malaysia. Satu jawatankuasa khas hendaklah ditubuhkan untuk menyelaraskan kajian tersebut."

(Menteri Wilayah Persekutuan)

12. PN-1142-U3024

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan mestilah merombak kembali kaedah pemberian projek untuk kontraktor kelas F yang diamalkan di pejabat-pejabat JKR Daerah sekarang ini. Sistem undi adalah lebih sesuai digunakan untuk memilih kontraktor yang sudah di 'shortlisted'. Ini dapat mengujudkan ketelusan di kalangan para kontraktor yang disenaraikan tetapi sukar mendapat kerja kerana kaedah memilih di kalangan mereka yang tersenarai itu sering tidak konsisten dan berubah-ubah".

(Menteri Kerja Raya)

**RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

| <u>TAHUN 2007</u> | <u>RISALAT/DOKUMEN</u> | <u>TARIKH DIBENTANGKAN</u> |
|------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------|
| DN.1 | Penyata Khas Jawatankuasa Pemilih Dewan Negara Menurut Perintah Peraturan Mesyuarat 70(2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara Untuk Dibentang Di Atas Meja Mesyuarat | 18 Julai 2007 |